

18/03/1997

Ahli JKKK dibekalkan komputer

IPOH, Isnin - Kerajaan Perak akan membekalkan 46 komputer kepada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di setiap kawasan Parlimen bagi memudahkan mereka menerima pelbagai maklumat terkini.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata menerusi komputer semua maklumat terkini mengenai sesuatu kawasan itu akan dimasukkan dalam sistem komputer, termasuk maklumat asas kampung mereka.

Selain itu, katanya, komputer itu juga akan dilengkapi mel elektronik (e-mel) bagi membolehkan setiap JKKK berkomunikasi secara terus terhadap sebarang masalah yang dihadapi di kawasan masing-masing.

"Jika sebelum ini, kita terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk menyelesaikan sesuatu masalah melalui surat rasmi, tetapi dengan e-mel ia dapat maklum balas dengan segera.

"Malah, JKKK dapat meningkatkan kecekapan kerja seharian mereka, dan sekali gus memperbaiki kawasan pentadbiran dengan lebih mudah.

"Sehubungan itu, semua JKKK itu akan menjalani latihan komputer selama tiga hari untuk membolehkan mereka mengendalikan peralatan itu dengan baik, dalam tempoh tiga atau empat bulan lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Celik Komputer anjuran Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri), di sini hari ini.

Pada majlis itu, Baiduri menyumbangkan 106 komputer kepada sekolah rendah dan menengah di Perak. Sejak 1987, Baiduri menyumbangkan 200 komputer kepada sekolah di negeri ini.

Hadir sama ialah isterinya yang juga Yang Dipertua Baiduri, Puan Sri Raja Noor Ashikin Raja Abdullah.

Ramli berkata, latihan komputer kepada JKKK itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kerajaan elektronik dipercepatkan.

Menurutnya, matlamat kerajaan negeri pada masa depan ialah melahirkan sekurang-kurangnya 1,000 JKKK setiap kawasan Parlimen yang dapat mengendalikan komputer dengan cekap, menjelang 2000.

Beliau berkata, pihaknya sedang merangka program latihan itu yang dikendalikan oleh Pusat Maklumat Teknologi Perak (PITC) dengan bantuan Yayasan Perak.

(END)